

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM  
[ PASIR GUDANG ]**

**TARIKH : 12 OGOS 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah Projek Keretapi RAPID TRANSIT SYSTEM (RTS) dari Johor Bahru ke Singapura akan dimulakan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut kesepakatan yang dicapai pada penghujung bulan April 2020, Malaysia dan Singapura telah bersetuju melanjutkan rundingan perjanjian-perjanjian berkaitan projek Rapid Transit System Link (RTS Link) di antara Johor Bahru dan Singapura sehingga 31 Julai 2020. Sukacita dimaklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa Perjanjian Bilateral, Perjanjian Konsesi dan Perjanjian Usahasama JV OpCo serta perbincangan dua hala berkaitan pembangunan projek RTS Link baru sahaja dimuktamadkan oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Singapura.
2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bahawa majlis pemeteraian ketiga-tiga perjanjian antara Malaysia – Singapura telah diadakan pada 30 Julai 2020, bertempat di Tambak Johor. Ianya telah disaksikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dan Perdana Menteri Singapura.

3. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pembinaan RTS Link ini dijangka akan bermula sejurus selepas kelulusan-kelulusan yang sewajarnya diperolehi iaitu pada Januari 2021 dan dijangka akan mula beroperasi pada penghujung tahun 2026. Pembinaan RTS Link ini akan berjalan dalam 2 fasa iaitu dari tahun 2021 hingga hujung tahun 2024 fasa pembangunan dan pembinaan struktur sivil. Dari awal 2025 sehingga hujung tahun 2026 merupakan fasa pembinaan seperti signalling, rolling stock, telekomunikasi, pentauliahan dan pengujian sistem.

4. Dalam masa yang terdekat ini, syarikat infrastruktur RTS Link bagi pihak Malaysia yang diwakili oleh Malaysia Rapid Transit System Sdn. Bhd. (MRTS) akan memulakan kerja reka bentuk yang terperinci dan menjalankan prosedur pengambilan dan pembangunan tanah di kawasan Bukit Chagar, Johor. Penyediaan skim keretapi bagi projek RTS Link mengikut keperluan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 juga akan bermula di mana pemeriksaan awam bagi Skim Keretapi dan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dijangka dapat dilaksanakan pada akhir tahun ini. Pemeriksaan awam bagi EIA ini akan dijalankan selama satu (1) bulan manakala pemeriksaan awam bagi Skim Keretapi adalah selama tiga (3) bulan bagi orang ramai meneliti dan memberi maklumbalas terhadap jajaran tersebut.

Sekian, terima kasih.